

PENTAKSIRAN INOVATIF FIQH AL-USRAH MELALUI GALLERY WALK DAN GOOGLE SITES UNTUK PEMBELAJARAN ABAD KE-21

(INNOVATIVE ASSESSMENT IN FIQH AL-USRAH THROUGH GALLERY WALK AND GOOGLE SITES
FOR 21ST-CENTURY LEARNING)

AMBO, N. I.^{1*} – MUSTAPA, M.² – RAMLIE, H@A.¹ – SAARI, N. F. Z.¹ – BASIR, D. H. A.¹

¹ *Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

² *Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah,
Sabah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: nurilma[at]ums.edu.my*

(Received 25th February 2026; revised 18th April 2026; accepted 06th May 2026)

Abstrak. Kajian ini bertujuan membangunkan satu inovasi pentaksiran autentik dalam pengajaran Fiqh al-Usrah di institusi pengajian tinggi bagi menangani kelemahan pentaksiran konvensional yang cenderung berorientasikan kandungan dan kurang menilai keupayaan aplikasi dalam konteks sebenar. Berteraskan prinsip pentaksiran autentik dan pembelajaran berasaskan pengalaman, kajian ini menggunakan pendekatan Design-Based Research (DBR) pada peringkat pembangunan bagi membina satu reka bentuk pentaksiran yang sistematik dan kontekstual. Pembangunan inovasi ini melibatkan empat fasa utama, iaitu reka bentuk pentaksiran, pembangunan alternatif pembelajaran digital menggunakan Google Sites, reka bentuk interaksi pembelajaran melalui pendekatan Gallery Walk, serta reka bentuk penilaian dan refleksi sendiri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa inovasi yang dibangunkan mengintegrasikan tiga komponen utama, iaitu alternatif pembelajaran digital, interaksi awam dan refleksi sendiri, yang berfungsi sebagai satu ekosistem pentaksiran autentik yang menyokong pembelajaran holistik. Keunikan inovasi ini terletak pada pengintegrasian elemen digital, interaksi sosial dan refleksi dalam satu kerangka pentaksiran fiqh yang holistik dan kontekstual. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang satu kerangka reka bentuk pentaksiran autentik yang berpotensi merapatkan jurang antara teori dan amalan dalam pengajaran Fiqh al-Usrah, serta menyediakan asas konseptual bagi kajian lanjutan untuk menilai pelaksanaan dan keberkesanan inovasi dalam konteks sebenar pendidikan tinggi.

Katakunci: *pentaksiran autentik, Fiqh al-Usrah, Gallery Walk, Google Sites, pembelajaran berasaskan pengalaman*

Abstract. This study aims to develop an authentic assessment innovation in the teaching of Fiqh al-Usrah in higher education to address the limitations of conventional assessments that are predominantly content-oriented and less focused on real-life application. Grounded in the principles of authentic assessment and experiential learning, this study employs a Design-Based Research (DBR) approach at the development stage to construct a systematic and contextual assessment design. The innovation was developed through four main phases, namely assessment design, development of digital learning artefacts using Google Sites, design of learning interaction through the Gallery Walk approach, and the design of evaluation and self-reflection. The findings indicate that the proposed innovation integrates three key components digital learning artefacts, public interaction, and self-reflection which function as a holistic authentic assessment ecosystem that supports meaningful learning. The novelty of this innovation lies in the integration of digital elements, social interaction, and reflective practices within a cohesive and contextualised fiqh assessment framework. Overall, this study contributes a conceptual framework for authentic assessment design that has the potential to bridge the gap between theory and practice in Fiqh al-Usrah teaching, while providing a foundation for future empirical studies to evaluate its implementation and effectiveness in higher education contexts.

Keywords: *authentic assessment, Fiqh al-Usrah, Gallery Walk, Google Sites, experiential learning*

Pengenalan

Fiqh al-Usrah merupakan salah satu bidang teras dalam pengajian Islam yang membincangkan hukum-hakam berkaitan institusi kekeluargaan seperti perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan anak serta hak dan tanggungjawab suami isteri. Kefahaman yang tepat terhadap Fiqh al-Usrah amat signifikan kerana hukum-hakam yang dibincangkan bukan sahaja bersifat teoritikal, malah berkait rapat dengan realiti kehidupan semasa, kesejahteraan keluarga dan keharmonian masyarakat setempat (Ahad dan Barning, 2022; Al-Qaradawi, 1998). Oleh itu, pengajaran Fiqh al-Usrah di peringkat pengajian tinggi perlu memastikan para pelajar bukan hanya memahami teks dan dalil, tetapi juga mampu mengaplikasikan hukum secara kontekstual, beretika dan berhikmah dalam menghadapi permasalahan sebenar masyarakat. Dalam konteks semasa yang menyaksikan perubahan sosial, ekonomi dan budaya yang pesat, bidang Fiqh al-Usrah berdepan dengan pelbagai cabaran kontemporari yang menuntut kefahaman hukum yang lebih dinamik, fleksibel dan berpaksikan Maqasid Syariah. Kajian yang dijalankan oleh Aziz (2023) membuktikan isu-isu seperti peningkatan kadar perceraian, konflik rumah tangga, pengabaian tanggungjawab nafkah, penderaan dalam keluarga, hak penjagaan anak, serta pengaruh globalisasi dan media digital terhadap institusi kekeluargaan memerlukan pendekatan fiqh yang bukan sekadar tekstual, tetapi bersifat kontekstual dan berorientasikan penyelesaian. Keadaan ini menuntut graduan Pengajian Islam yang bukan sahaja mahir dari sudut ketetapan hukum, malah berkeupayaan menganalisis realiti sosial, menilai permasalahan secara kritis serta merumuskan penyelesaian yang selari dengan prinsip keadilan, maslahat dan kesejahteraan ummah..

Walau bagaimanapun, pengajaran Fiqh al-Usrah di institusi pengajian tinggi lazimnya masih didominasi oleh pendekatan tradisional yang berpusatkan pensyarah serta penilaian berasaskan hafalan kandungan dan peperiksaan bertulis (Klein et al., 2023). Pendekatan ini berkesan dalam menyampaikan asas pengetahuan fiqh, namun kurang memberi ruang kepada pelajar untuk mengembangkan pemikiran kritis, kemahiran aplikasi dan keupayaan menilai isu fiqh dalam konteks sebenar. Akibatnya, pelajar cenderung melihat fiqh sebagai satu disiplin normatif yang terpisah daripada realiti sosial dan cabaran semasa, sekali gus mengehadkan penghayatan terhadap hikmah dan tujuan pensyariatian hukum (Himawan et al., 2025). Manakala dari sudut pentaksiran pula, penilaian dalam kursus-kursus di universiti sering tertumpu kepada peperiksaan bertulis, tugas individu atau pembentangan konvensional yang dilaksanakan dalam persekitaran bilik darjah. Bentuk pentaksiran sedemikian lebih menilai aspek kognitif tahap rendah dan kurang mencerminkan keupayaan pelajar untuk mengaplikasikan ilmu, berkomunikasi dengan berkesan serta menilai isu-isu fiqh dalam konteks sebenar masyarakat (Tufail, 2023). Keadaan ini menunjukkan keperluan kepada satu pendekatan pentaksiran yang lebih holistik, bermakna dan selari dengan hasil pembelajaran yang dihasratkan dalam pendidikan abad ke-21. Menurut Mohamed dan Lebar (2017), seiring dengan perkembangan pendidikan kontemporari, pentaksiran autentik telah diketengahkan sebagai satu pendekatan yang menilai pembelajaran pelajar melalui tugas yang relevan, kontekstual dan berasaskan situasi dunia sebenar. Pentaksiran autentik memberi peluang kepada pelajar untuk menghasilkan produk pembelajaran, menyelesaikan masalah sebenar serta berinteraksi dengan khalayak di luar bilik darjah, di samping menyokong pembelajaran berasaskan pengalaman dan refleksi sendiri (Whitlock dan Nanavati, 2013). Dalam masa yang sama, Sentriyo et al. (2023) berpendapat integrasi teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran

membuka ruang kepada pembangunan kaedah pembelajaran yang lebih lestari, interaktif dan mudah diakses. Penggunaan platform seperti Google Sites membolehkan pelajar membina, mendokumentasi dan mempamerkan hasil pembelajaran secara sistematik, selain menyokong pembelajaran kolaboratif dan sendiri (Sastromiharjo et al., 2024).

Namun demikian, kajian dan amalan sedia ada menunjukkan bahawa pelaksanaan pentaksiran autentik dalam pengajaran Fiqh al-Usrah masih terhad, khususnya dari segi integrasi sistematik antara kandungan fiqh, penglibatan awam serta penggunaan platform digital sebagai medium dokumentasi dan refleksi pembelajaran Aziz et al. (2020). Jurang ini menuntut pembangunan satu inovasi pentaksiran yang bukan sahaja menilai kefahaman kandungan, tetapi turut menilai keupayaan pelajar mengaplikasikan hukum fiqh, berkomunikasi dengan masyarakat serta merefleksi pembelajaran secara kritikal. Berdasarkan keperluan tersebut, artikel ini membincangkan pembangunan inovasi pentaksiran autentik dalam pengajaran Fiqh al-Usrah melalui pelaksanaan pendekatan Gallery Walk yang digabungkan dengan penggunaan Google Sites. Pendekatan ini berfungsi sebagai satu alternatif pentaksiran yang lebih kontekstual, reflektif dan bermakna, dengan menilai pembelajaran pelajar melalui penghasilan bahan fiqh, interaksi dengan khalayak serta dokumentasi digital yang sistematik. Inovasi ini diharapkan dapat merapatkan jurang antara teori dan amalan, sekali gus menyumbang kepada transformasi pedagogi Fiqh al-Usrah ke arah pembelajaran yang lebih aktif, berpusatkan pelajar dan berorientasikan realiti masyarakat semasa.

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk: (1) Membangunkan satu reka bentuk pentaksiran autentik dalam pengajaran Fiqh al-Usrah melalui integrasi pendekatan Gallery Walk dan penggunaan Google Sites. (2) Menghuraikan struktur dan komponen pelaksanaan inovasi pentaksiran yang merangkumi alternatif pembelajaran digital, interaksi awam dan refleksi sendiri dalam konteks pengajaran Fiqh al-Usrah.

Sorotan literatur

Sorotan literatur ini membincangkan perkembangan pendekatan pentaksiran dalam pengajaran Fiqh al-Usrah, dengan memberi tumpuan kepada tiga aspek utama, iaitu pendekatan pentaksiran konvensional, konsep pentaksiran autentik, serta integrasi teknologi digital dalam pembelajaran. Pertama, dari sudut pendekatan sedia ada, pengajaran Fiqh al-Usrah di institusi pengajian tinggi masih didominasi oleh pendekatan tradisional yang berpusatkan pensyarah serta penilaian berasaskan peperiksaan bertulis (Nursyah dan Hasan, 2021). Pendekatan ini menekankan penguasaan kandungan hukum dan dalil secara tekstual, namun kurang memberi ruang kepada pelajar untuk mengaplikasikan prinsip fiqh dalam konteks kehidupan sebenar (Himawan et al., 2025; Nursyah dan Hasan, 2021). Sehubungan itu, pelajar cenderung melihat fiqh sebagai disiplin yang bersifat teoritikal dan terpisah daripada realiti sosial, sekali gus mengehadkan penghayatan terhadap hikmah dan tujuan pensyariaan hukum. Kedua, dari perspektif pedagogi kontemporari, pentaksiran autentik telah diketengahkan sebagai pendekatan alternatif yang lebih holistik dalam menilai pembelajaran pelajar. Menurut Wiggins (1998), pentaksiran autentik menilai keupayaan pelajar melalui tugas yang menyerupai situasi dunia sebenar, sekali gus membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam konteks yang bermakna.

Pendekatan ini turut disokong oleh Mueller (2005) yang menegaskan bahawa pentaksiran autentik memberi penekanan kepada pembelajaran berasaskan pengalaman, penyelesaian masalah sebenar serta penghasilan produk pembelajaran yang relevan. Dalam konteks pengajian Islam, pendekatan ini dilihat berpotensi untuk meningkatkan kefahaman kontekstual dan penghayatan terhadap maqasid syariah, khususnya dalam bidang Fiqh al-Usrah yang berkait rapat dengan realiti kehidupan masyarakat.

Ketiga, perkembangan teknologi digital dalam pendidikan turut membuka ruang kepada pelaksanaan pentaksiran yang lebih inovatif dan kontekstual. Platform seperti Google Sites membolehkan pelajar membina dan mendokumentasi hasil pembelajaran dalam bentuk digital yang sistematik, sekali gus menyokong pembelajaran sendiri, kolaboratif dan reflektif (Trust et al., 2017; Dreon et al., 2011). Selain itu, penggunaan e-portfolio digital dilaporkan mampu meningkatkan keterlibatan pelajar serta memperkukuh kefahaman melalui proses pembinaan pengetahuan secara aktif (Tran dan Nguyen Ngoc, 2023; Barrett, 2012). Walau bagaimanapun, integrasi teknologi digital dalam pentaksiran Fiqh al-Usrah masih belum diterokai secara meluas, khususnya yang melibatkan penggabungan antara pembelajaran berasaskan pengalaman, interaksi dengan komuniti dan refleksi sendiri. Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa walaupun pentaksiran autentik dan teknologi digital telah diketengahkan dalam pendidikan kontemporari, pelaksanaannya dalam pengajaran Fiqh al-Usrah masih terhad dan kurang sistematik. Terdapat jurang yang jelas dalam pembangunan satu model pentaksiran yang mengintegrasikan elemen kandungan fiqh, pengalaman pembelajaran sebenar, interaksi sosial serta penggunaan platform digital secara bersepadu. Oleh itu, kajian ini membangunkan satu inovasi pentaksiran autentik yang menggabungkan pendekatan Gallery Walk dan Google Sites sebagai satu kerangka pentaksiran yang lebih holistik, kontekstual dan selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan Design-Based Research (DBR) yang bertujuan membangunkan satu inovasi pentaksiran autentik dalam konteks pengajaran Fiqh al-Usrah di institusi pengajian tinggi. Pendekatan DBR dipilih kerana sifatnya yang sistematik tetapi fleksibel dalam membangunkan intervensi pendidikan melalui proses analisis, reka bentuk dan pembangunan secara berperingkat dalam konteks sebenar pembelajaran. DBR juga menekankan hubungan rapat antara teori dan amalan, serta bertujuan menghasilkan prinsip reka bentuk yang boleh diaplikasikan dalam situasi pendidikan sebenar (Reeves, 2006; Wang dan Hannafin, 2005). Dalam kajian ini, DBR digunakan pada peringkat pembangunan (design and development phase), iaitu fasa awal yang memberi tumpuan kepada pembinaan dan penghuraian reka bentuk inovasi secara konseptual. Pendekatan ini selari dengan model DBR yang menekankan proses iteratif yang melibatkan analisis masalah, pembangunan solusi, serta pembentukan prinsip reka bentuk berdasarkan keperluan konteks pembelajaran (Anderson dan Shattuck, 2012; Edelson, 2002). Reka bentuk inovasi ini dibangunkan berasaskan kerangka DBR yang mencadangkan beberapa fasa utama dalam pembangunan intervensi pendidikan. Berdasarkan model Reeves (2006), proses DBR merangkumi empat fasa utama iaitu: (i) analisis masalah dalam konteks sebenar, (ii) pembangunan penyelesaian atau reka bentuk intervensi, (iii) pelaksanaan dan penilaian secara iteratif, serta (iv) refleksi untuk menghasilkan prinsip reka bentuk. Walau bagaimanapun, kajian

ini memfokuskan kepada dua fasa awal, iaitu analisis dan pembangunan reka bentuk, memandangkan inovasi ini masih berada pada peringkat awal pembangunan.

Sehubungan itu, pembangunan inovasi pentaksiran ini dilaksanakan melalui empat komponen utama yang dirangka secara konseptual, iaitu reka bentuk pentaksiran, pembangunan alternatif pembelajaran digital menggunakan Google Sites, reka bentuk interaksi pembelajaran melalui pendekatan Gallery Walk, serta reka bentuk penilaian dan refleksi sendiri. Keempat-empat komponen ini dibangunkan secara bersepadu bagi memastikan keselarasan antara hasil pembelajaran, aktiviti pengajaran dan pendekatan pentaksiran autentik. Pendekatan ini juga selari dengan prinsip DBR yang menekankan pembangunan intervensi berasaskan teori pembelajaran serta keperluan konteks sebenar pendidikan. Dari segi sumber data, kajian ini menggunakan analisis literatur sebagai asas utama dalam pembangunan inovasi. Analisis ini melibatkan penilaian terhadap kajian-kajian terdahulu berkaitan pentaksiran autentik, pembelajaran berasaskan pengalaman dan penggunaan teknologi digital dalam pendidikan. Selain itu, pembangunan awal turut melibatkan pembinaan instrumen seperti rubrik pentaksiran bagi menyokong penilaian pembelajaran pelajar secara holistik. Pemerhatian awal terhadap konteks pengajaran turut digunakan bagi memastikan kesesuaian reka bentuk inovasi dengan keperluan kursus Fiqh al-Usrah. Dari sudut analisis, kajian ini menggunakan pendekatan analisis deskriptif dan konseptual, yang memberi tumpuan kepada penghuraian struktur, komponen dan rasional reka bentuk inovasi pentaksiran yang dibangunkan. Pendekatan ini selari dengan kajian berbentuk pembangunan dalam DBR yang tidak bertujuan menguji keberkesanan intervensi secara empirikal, tetapi lebih kepada membina kerangka atau model yang boleh diuji dalam kajian lanjutan. Oleh itu, kajian ini merupakan peringkat awal pembangunan inovasi, dan kajian lanjutan dicadangkan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan inovasi ini dalam konteks sebenar pengajaran dan pembelajaran.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Reka bentuk inovasi pentaksiran Fiqh al-Usrah

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian yang berfokus kepada pembangunan reka bentuk inovasi pentaksiran autentik dalam pengajaran Fiqh al-Usrah. Memandangkan kajian ini berada pada peringkat pembangunan, dapatan yang dikemukakan adalah bersifat konseptual dan deskriptif, dengan menumpukan kepada struktur, komponen dan rasional inovasi yang dibangunkan. Dapatan ini disusun berdasarkan objektif kajian yang menekankan pembangunan serta penghuraian reka bentuk pentaksiran autentik secara sistematik dan kontekstual. Inovasi pentaksiran ini dibangunkan sebagai satu reka bentuk pedagogi berstruktur yang menggabungkan elemen pentaksiran autentik, pembelajaran berasaskan pengalaman serta integrasi teknologi digital dalam pengajaran Fiqh al-Usrah. Reka bentuk inovasi ini bertitik tolak daripada keperluan untuk menilai pembelajaran pelajar secara lebih holistik, bukan sahaja dari aspek penguasaan kandungan hukum, tetapi juga keupayaan mengaplikasikan, menghayati dan menyampaikan kefahaman Fiqh al-Usrah dalam konteks kehidupan sebenar. Justeru, pendekatan Gallery Walk dan penggunaan Google Sites digabungkan sebagai satu ekosistem pentaksiran yang saling melengkapi antara proses pembelajaran, penilaian dan refleksi. Reka bentuk inovasi ini menempatkan pelajar sebagai subjek aktif dalam proses pembelajaran, di mana mereka bukan sekadar menerima ilmu secara pasif, tetapi membina, mengorganisasi dan mempamerkan

kefahaman melalui penghasilan alternatif pembelajaran digital serta interaksi secara langsung dengan komuniti kampus. Dalam masa yang sama, peranan pensyarah berubah daripada penyampai kandungan kepada perancang pentaksiran, fasilitator pembelajaran dan penilai yang membimbing proses pembelajaran secara berperingkat dan berterusan.

Komponen utama reka bentuk inovasi

Reka bentuk inovasi pentaksiran ini dibina berasaskan tiga komponen utama yang saling melengkapi, iaitu alternatif pembelajaran digital, interaksi awam, dan refleksi sendiri. Ketiga-tiga komponen ini dirangka secara bersepadu bagi memastikan pentaksiran bukan sekadar menilai hasil akhir pembelajaran, tetapi turut merangkumi proses pembelajaran, penglibatan aktif serta penghayatan pelajar terhadap ilmu Fiqh al-USrah. Pertama adalah alternatif pembelajaran digital direka melalui penggunaan Google Sites sebagai medium utama bagi mendokumentasi, menyusun dan mempamerkan hasil pembelajaran pelajar. Dari sudut reka bentuk pedagogi, penggunaan alternatif digital membolehkan pelajar berperanan sebagai pembina ilmu (knowledge constructors) yang mengorganisasikan kandungan Fiqh al-USrah secara sistematik dan bermakna. Melalui platform ini, pelajar bukan sahaja menggabungkan teks dan rujukan ilmiah, malah mengintegrasikan elemen visual, multimedia dan susun atur maklumat yang menyokong kefahaman pengguna. Tambahan pula, penggunaan Google Sites sebagai alternatif pembelajaran yang juga menyokong konsep pentaksiran berasaskan produk dunia sebenar, di mana hasil pembelajaran yang dihasilkan bersifat lestari, boleh diakses semula dan berfungsi sebagai bukti untuk pembelajaran jangka panjang (Azizah et al., 2025; Tran dan Nguyen Ngoc, 2023). Pada masa yang sama, dalam konteks Fiqh al-USrah, alternatif digital ini membolehkan pelajar menzahirkan kefahaman terhadap hukum, aplikasi semasa serta hikmah pensyariatan dalam bentuk yang lebih kontekstual dan komunikatif, berbanding tugas bertulis konvensional.



Rajah 1. Komponen utama reka bentuk inovasi.

Seterusnya adalah komponen interaksi awam yang direalisasikan melalui pendekatan Gallery Walk. Pendekatan ini direka sebagai medium pentaksiran berasaskan komunikasi, penglibatan dan pengalaman sebenar. Reka bentuk ini juga membolehkan pelajar berinteraksi secara langsung dengan audiens sebenar, termasuk rakan pelajar dan warga kampus, sekali gus mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih autentik dan

inklusif. Dalam situasi ini, pelajar dinilai bukan sahaja berdasarkan kandungan ilmu yang dipersembahkan, tetapi juga keupayaan menyampaikan kefahaman fiqh secara jelas, menjawab persoalan yang dikemukakan serta mempertahankan hujah secara beradab dan berasaskan ilmu. Selain itu, Ridwan (2019) menyatakan pendekatan Gallery Walk juga telah dikenal pasti sebagai strategi pembelajaran aktif yang berkesan dalam meningkatkan penglibatan pelajar, pemikiran kritis dan kemahiran komunikasi melalui interaksi dua hala dan pembelajaran berasaskan pengalaman (Sunarti dan Septiana, 2019). Melalui konteks pentaksiran Fiqh al-Usrah juga, interaksi awam ini direka untuk menilai sejauh mana pelajar mampu menterjemahkan ilmu fiqh ke dalam bahasa dan kefahaman yang sesuai untuk masyarakat umum, sekali gus memperkukuh hubungan antara ilmu akademik dan realiti sosial.

Akhir sekali adalah refleksi sendiri merupakan komponen pelengkap yang penting dalam reka bentuk inovasi ini kerana ia memberi ruang kepada pelajar untuk menilai pengalaman pembelajaran secara kritikal dan bermakna. Melalui refleksi sendiri, pelajar digalakkan untuk menilai tahap kefahaman mereka terhadap isu Fiqh al-Usrah, mengenal pasti cabaran yang dihadapi serta menilai perkembangan sikap, nilai dan kefahaman diri sepanjang proses pembelajaran dan pentaksiran. Dari sudut pedagogi, refleksi sendiri menyokong pembelajaran mendalam (deep learning) dan pembentukan kesedaran sendiri yang berterusan, selaras dengan prinsip pembelajaran berasaskan pengalaman (Kolb, 1984). Dalam reka bentuk inovasi ini, refleksi sendiri bukan sekadar aktiviti pasca-pentaksiran, tetapi sebahagian daripada mekanisme untuk memperkukuh penghayatan pelajar terhadap hikmah dan tujuan pensyarian hukum Fiqh al-Usrah. Elemen ini memastikan pembelajaran yang berlaku tidak terhenti pada tahap kognitif, sebaliknya berkembang kepada pembentukan sikap dan kefahaman yang lebih menyeluruh.

Struktur fasa inovasi pentaksiran

Struktur fasa inovasi pentaksiran ini dirangka bagi memperincikan aliran pelaksanaan inovasi secara sistematik dalam konteks pengajaran Fiqh al-Usrah. Pendekatan berfasa ini membolehkan setiap komponen inovasi dibangunkan secara tersusun dan saling melengkapi, selaras dengan prinsip pentaksiran autentik dan pembelajaran berasaskan pengalaman. Seterusnya, berikut merupakan perincian struktur fasa inovasi pentaksiran yang menjelaskan setiap tahap pembangunan secara bersepadu dan sistematik, bagi memastikan keselarasan antara hasil pembelajaran, aktiviti pengajaran dan pendekatan pentaksiran autentik yang diaplikasikan (*Rajah 2*).



Rajah 2. Struktur fasa inovasi.

Fasa 1: Reka bentuk pentaksiran

Fasa pertama merupakan teras kepada keseluruhan inovasi kerana ia menentukan keselarasan antara hasil pembelajaran (learning outcomes), aktiviti pembelajaran, dan bentuk pentaksiran. Dari sudut reka bentuk kurikulum, inovasi ini bergerak atas prinsip constructive alignment, iaitu hasil pembelajaran ditetapkan terlebih dahulu dan seterusnya kaedah pengajaran serta pentaksiran direka agar benar-benar mengukur apa yang ingin dicapai (Hamdoun, 2023). Dalam konteks Fiqh al-Usrah, keselarasan ini penting supaya pentaksiran tidak sekadar mengukur ingatan fakta hukum, tetapi turut menilai aplikasi dan pertimbangan fiqh dalam situasi kehidupan sebenar yang kompleks dan pelbagai. Pada tahap ini, pemilihan tema atau isu Fiqh al-Usrah perlu dibuat secara strategik: (i) isu mestilah membenarkan pelajar melakukan application of knowledge contohnya: implikasi hukum dalam konteks keluarga, perundangan, adat setempat, atau isu semasa), (ii) isu memberi ruang kepada pelbagai dimensi hujah (dalil, qaul, qawa'id, maqasid), dan (iii) isu cukup "autentik" untuk dibentangkan kepada audiens sebenar. Prinsip pentaksiran autentik menekankan bahawa "autentik" bukan sekadar pada tugas, tetapi juga pada konteks sosial, produk yang dihasilkan, serta kriteria penilaiannya (Oroh et al., 2025). Oleh itu, reka bentuk inovasi ini memperlihatkan Gallery Walk sebagai "konteks sosial" autentik, Google Sites sebagai "produk" autentik, dan rubrik sebagai "kriteria" yang menstrukturkan standard kualiti. Manakala bagi komponen rubrik, reka bentuk rubrik yang baik seharusnya: (i) jelas menyatakan kriteria yang mewakili hasil pembelajaran (bukan sekadar deskripsi aktiviti), (ii) mempunyai tahap prestasi yang membezakan mutu hujah dan aplikasi, dan (iii) boleh digunakan secara formatif untuk membimbing penambahbaikan semasa proses pembelajaran, bukan hanya selepas penilaian (Panadero dan Jönsson, 2013). Dalam pembangunan inovasi ini, rubrik yang menilai dimensi seperti kefahaman hukum, aplikasi konteks sebenar, penghayatan hikmah/maqasid dan kemahiran komunikasi menepati logik rubrik formatif kerana ia membimbing pelajar terhadap kualiti hujah dan penyampaian sejak awal. Penggunaan rubrik juga lebih kukuh apabila pelajar diberi akses awal kepada rubrik bagi menyokong self-monitoring dan peer feedback (Jonsson, 2010).

Fasa 2: Pembangunan alternatif pembelajaran digital (Google Sites)

Fasa kedua menekankan reka bentuk alternatif pembelajaran digital yang berfungsi sebagai evidens pembelajaran dan “ruang berfikir” pelajar. Dari perspektif pentaksiran autentik, alternatif digital bukan sekadar tempat menyimpan maklumat, tetapi merupakan produk yang memaparkan bagaimana pelajar membina kefahaman, menyusun dalil, menilai pandangan, dan menampilkan aplikasi fiqh secara tersusun. Dalam kerangka e-portfolio, alternatif digital lazimnya menyokong tiga fungsi penting: dokumentasi pembelajaran, pameran pencapaian (showcase), dan refleksi perkembangan (Barrett, 2012). Ini bermakna Google Sites bukan hanya “platform teknikal”, tetapi komponen reka bentuk yang memandu pelajar menghasilkan pembelajaran yang dapat dinilai secara holistik. Dari sudut reka bentuk kandungan, alternatif Google Sites sebaiknya distrukturkan supaya mendorong pemikiran aras tinggi: misalnya, (i) definisi dan batasan isu, (ii) dalil dan usul penghujahan, (iii) khilaf dan pertimbangan konteks, (iv) aplikasi kontemporari (case-based), serta (v) rumusan berteraskan hikmah dan maqasid. Struktur sebegini menjadikan produk pelajar lebih selari dengan matlamat pengajian fiqh yang bukan sekadar mengetahui hukum, tetapi memahami rasional dan hikmah pensyariatan. Dalam konteks amalan PdP, kajian terkini juga menunjukkan e-portfolio berasaskan Google Sites boleh menyokong pembelajaran berasaskan projek dan penghasilan produk yang lebih bermakna, khususnya apabila pelajar membina kandungan secara kolaboratif dan berulang (Tran dan Nguyen Ngoc, 2023). Satu nilai tambah reka bentuk ini ialah sifatnya yang lestari dan mudah diakses: alternatif kekal wujud selepas sesi pentaksiran dan boleh dijadikan rujukan semula oleh pelajar, rakan, atau komuniti kursus. Ini mengukuhkan fungsi pentaksiran sebagai sebahagian pembelajaran (assessment as learning), bukan hanya penghakiman akhir.

Fasa 3: Reka bentuk interaksi pembelajaran melalui Gallery Walk

Fasa ketiga direka sebagai konteks sosial pentaksiran, iaitu pelajar perlu memindahkan kefahaman fiqh daripada bentuk “teks atau nota” kepada bentuk komunikasi yang boleh difahami audiens sebenar. Dari perspektif autentik, proses ini sangat signifikan kerana ia menguji keupayaan pelajar melakukan knowledge translation menyusun hujah yang tepat, menyesuaikan bahasa, dan memberi respons secara beretika terhadap soalan. Ini sejajar dengan prinsip pentaksiran autentik yang menekankan demonstrasi prestasi dalam situasi yang mendekati amalan dunia sebenar (Mohamed dan Lebar, 2017). Gallery Walk juga menyokong pembelajaran aktif kerana berlaku interaksi dua hala: pelajar menerangkan, audiens bertanya, dan pelajar menilai semula kefahaman mereka secara spontan. Interaksi seperti ini selalunya merangsang pemikiran kritis dan meningkatkan keyakinan komunikasi kerana pelajar perlu mempertahankan hujah secara beradab dan berdasarkan autoriti ilmu. Kajian tentang Gallery Walk dalam konteks pendidikan menunjukkan pendekatan ini boleh meningkatkan penglibatan pelajar dan memperkukuh kemahiran komunikasi serta pemahaman melalui aktiviti bergerak, perbincangan ringkas, dan pembentangan berulang (Tan dan Perrault, 2025; Ridwan, 2019). Dalam pembangunan inovasi ini, penggunaan kod QR untuk akses Google Sites turut menambah “keautentikan” kerana audiens boleh menilai produk sebenar (alternatif) dan bukannya bergantung kepada poster statik semata-mata. Ini membolehkan audiens meneliti bukti dalil atau rujukan dan struktur hujah sekali gus menyokong elemen ketelusan dan akauntabiliti ilmiah.

Fasa 4: Reka bentuk penilaian dan refleksi pembelajaran

Fasa terakhir direka untuk memastikan inovasi ini tidak berakhir sebagai “event pentaksiran”, tetapi membentuk kitaran pembelajaran yang lengkap. Dalam pembelajaran berasaskan pengalaman, refleksi merupakan mekanisme utama yang mengubah pengalaman kepada pembelajaran bermakna (Yaodum et al., 2024). Refleksi juga membantu pelajar mengenal pasti jurang kefahaman, menilai kualiti penghujahan, dan memperbaiki cara berfikir serta komunikasi pada masa akan datang. Oleh sebab itu, refleksi sendiri perlu direka secara berstruktur contohnya dengan soalan panduan yang menyentuh (i) apa yang dipelajari, (ii) apa cabaran utama, (iii) bagaimana cabaran diatasi, (iv) perubahan kefahaman atau hujah selepas interaksi, dan (v) penambahbaikan yang akan dibuat. Dari sudut teori refleksi pula, penekanan kepada “reflection-on-action” atau lebih dikenali sebagai menilai pengalaman selepas berlaku mampu memberi ruang kepada pelajar menstrukturkan pembelajaran mereka secara sedar dan kritikal (Schön, 1983). Dalam konteks pendidikan tinggi, refleksi yang dibimbing juga sering dianggap penting untuk mengelakkan refleksi menjadi terlalu deskriptif dan tidak mencapai tahap analitik (Yaodum et al., 2024; Schön, 1983). Oleh itu, reka bentuk refleksi dalam pembangunan inovasi ini boleh diperkukuh dengan mengaitkan refleksi pelajar kepada rubrik: pelajar menilai diri berdasarkan kriteria rubrik (self-assessment) dan menyatakan bukti ataupun justifikasi yang terbukti menyokong pembelajaran sendiri dan penambahbaikan (Panadero dan Jönsson, 2013; Jonsson, 2010).

Perbincangan ini memfokuskan kepada sumbangan inovasi pentaksiran yang dibangunkan dari sudut reka bentuk pedagogi, kesesuaiannya dalam konteks pengajaran Fiqh al-Usrah serta potensi implikasinya terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Memandangkan inovasi ini masih berada pada peringkat pembangunan, perbincangan ini tidak bertujuan menilai keberkesanan pelaksanaan secara empirikal, sebaliknya menekankan nilai tambah reka bentuk inovasi dan sumbangan konseptual yang ditawarkan. Reka bentuk inovasi pentaksiran ini menyumbang satu pendekatan alternatif yang lebih holistik dalam pengajaran Fiqh al-Usrah dengan mengalihkan fokus pentaksiran daripada penilaian bertulis semata-mata kepada penilaian yang merangkumi kefahaman, aplikasi dan penghayatan hukum. Dengan menggabungkan alternatif pembelajaran digital, interaksi awam dan refleksi sendiri, pentaksiran direka sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran yang berterusan. Pendekatan ini selari dengan sifat ilmu fiqh yang bukan sahaja bersifat normatif, tetapi juga kontekstual dan memerlukan keupayaan mentafsir hukum dalam realiti sosial dan kekeluargaan yang pelbagai. Dari sudut pedagogi, inovasi ini berpotensi menyokong pembelajaran bermakna melalui penekanan terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman dan penglibatan aktif pelajar. Reka bentuk Gallery Walk dan pembangunan Google Sites memberi ruang kepada pelajar untuk meneroka isu Fiqh al-Usrah secara mendalam, membina hujah berasaskan dalil dan prinsip syariah, serta menyampaikan kefahaman tersebut kepada audiens sebenar. Proses ini dijangka dapat membantu pelajar membina kefahaman yang lebih mendalam kerana mereka terlibat secara langsung dalam pembinaan dan komunikasi ilmu, bukan sekadar mengulang pengetahuan yang diterima.

Sumbangan inovasi ini turut terserlah melalui integrasi teknologi digital secara bermakna dalam pengajaran Fiqh al-Usrah. Penggunaan Google Sites sebagai alternatif pembelajaran bukan sekadar berfungsi sebagai medium penyampaian, tetapi sebagai ruang dokumentasi dan penyusunan ilmu yang mencerminkan proses pembelajaran

pelajar. Reka bentuk ini menunjukkan bahawa pengajian fiqh boleh diadaptasi dengan pendekatan digital tanpa menjejaskan ketelitian ilmiah dan adab keilmuan, malah berpotensi menjadikan pembelajaran lebih relevan dengan konteks pendidikan tinggi masa kini. Selain itu, reka bentuk inovasi ini turut berpotensi menyumbang kepada pembangunan kemahiran insaniah pelajar, khususnya kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, kerja berpasukan dan refleksi sendiri. Aktiviti Gallery Walk direka untuk menilai keupayaan pelajar menyampaikan kefahaman fiqh secara jelas dan beradab, menjawab persoalan secara spontan serta mempertahankan hujah berdasarkan ilmu. Dalam konteks pengajian Islam, aspek ini penting kerana pelajar sering berperanan sebagai pendidik atau rujukan masyarakat, justeru keupayaan menyampaikan ilmu secara beretika dan bertanggungjawab merupakan satu nilai tambah yang signifikan. Dari sudut implikasi terhadap amalan pengajaran, inovasi ini menawarkan satu kerangka reka bentuk pentaksiran yang boleh dijadikan rujukan oleh pensyarah pengajian Islam dalam merancang pentaksiran yang lebih autentik dan berpusatkan pelajar. Reka bentuk inovasi ini bersifat fleksibel dan berpotensi disesuaikan dengan pelbagai topik fiqh atau kursus pengajian Islam yang lain. Walau bagaimanapun, sebagai satu inovasi yang masih berada pada peringkat pembangunan, reka bentuk ini memerlukan pelaksanaan dan penilaian empirikal pada masa hadapan bagi menilai keberkesanan sebenar dan mengenal pasti ruang penambahbaikan. Oleh itu, sumbangan utama inovasi ini terletak pada penyediaan satu reka bentuk pentaksiran yang sistematik, berasaskan prinsip pedagogi yang kukuh dan relevan dengan keperluan pengajaran Fiqh al-Usrah di peringkat pengajian tinggi.

Keunikan pendekatan inovasi ini terletak pada reka bentuk pentaksiran Fiqh al-Usrah yang menggabungkan secara bersepadu elemen pentaksiran autentik, pembelajaran berasaskan pengalaman dan teknologi digital dalam satu kerangka yang sistematik dan kontekstual. Berbeza daripada amalan pentaksiran konvensional dalam pengajaran fiqh yang lazimnya tertumpu kepada peperiksaan bertulis atau pembentangan dalam bilik darjah, inovasi ini membangunkan satu reka bentuk pentaksiran yang menilai kefahaman, aplikasi dan penghayatan hukum secara serentak melalui penghasilan alternatif digital, interaksi awam dan refleksi sendiri. Originaliti utama inovasi ini juga terserlah melalui penggunaan Google Sites sebagai alternatif pembelajaran digital utama dalam kursus Fiqh al-Usrah. Walaupun teknologi digital telah digunakan secara meluas dalam pengajaran, inovasi ini meletakkan teknologi bukan sekadar sebagai alat sokongan, tetapi sebagai komponen teras dalam reka bentuk pentaksiran. Alternatif digital yang dibangunkan berfungsi sebagai ruang dokumentasi ilmu, penyusunan hujah fiqh dan pameran kefahaman pelajar yang bersifat lestari serta boleh diakses semula. Pendekatan ini memperkenalkan satu bentuk evidens pembelajaran baharu dalam pengajian fiqh yang jarang diketengahkan dalam amalan pentaksiran tradisional. Selain itu, inovasi ini memperlihatkan kebaruan melalui pengintegrasian Gallery Walk sebagai konteks sosial pentaksiran dalam pengajaran Fiqh al-Usrah. Reka bentuk ini memindahkan pentaksiran daripada ruang tertutup bilik darjah kepada ruang pembelajaran terbuka yang melibatkan audiens sebenar seperti masyarakat umum. Melalui pendekatan ini, pelajar bukan sahaja dinilai berdasarkan ketepatan kandungan hukum, tetapi juga keupayaan menterjemahkan ilmu fiqh kepada masyarakat secara jelas, beradab dan bertanggungjawab. Keunikan ini terletak pada penilaian keupayaan komunikasi dan aplikasi ilmu fiqh dalam situasi yang menyerupai realiti sebenar, selaras dengan tuntutan disiplin fiqh yang berorientasikan kehidupan.

Keunikan inovasi ini turut dapat dilihat daripada penekanannya terhadap refleksi sendiri sebagai komponen pentaksiran, bukan sekadar aktiviti sampingan. Refleksi direka sebagai mekanisme untuk membantu pelajar menilai pengalaman pembelajaran, menyedari perkembangan kefahaman dan membentuk kesedaran terhadap peranan Fiqh al-Usrah dalam kehidupan sebenar. Pendekatan ini memperkenalkan dimensi metakognitif dalam pentaksiran fiqh yang sering terpinggir dalam penilaian konvensional, sekali gus memperkukuh pembelajaran mendalam dan berterusan. Secara keseluruhan, keunikan inovasi ini tidak terletak pada pengenalan satu alat atau aktiviti secara terpisah, tetapi pada reka bentuk pentaksiran yang menyatukan elemen digital, pengalaman dan refleksi dalam satu kerangka pedagogi yang kohesif. Inovasi ini menawarkan satu model pentaksiran Fiqh al-Usrah yang lebih autentik, kontekstual dan berorientasikan pembelajaran bermakna, yang berpotensi menjadi rujukan kepada pensyarah pengajian Islam serta asas kepada kajian pelaksanaan dan penilaian empirikal pada masa hadapan.

Kesimpulan

Makalah ini membentangkan pembangunan inovasi pentaksiran dalam pengajaran Fiqh al-Usrah yang direka berdasarkan prinsip pentaksiran autentik, pembelajaran berdasarkan pengalaman dan integrasi teknologi digital. Inovasi ini dibangunkan bagi menangani keperluan kepada pendekatan pentaksiran yang lebih holistik dan kontekstual, selari dengan sifat ilmu fiqh yang menuntut kefahaman mendalam, keupayaan aplikasi serta penghayatan terhadap hikmah dan tujuan pensyariatkan hukum. Melalui reka bentuk yang menggabungkan alternatif pembelajaran digital, interaksi awam dan refleksi sendiri, inovasi ini menawarkan satu kerangka pentaksiran alternatif yang berpotensi memperkaya amalan pengajaran Fiqh al-Usrah di institusi pengajian tinggi. Sebagai satu kajian pembangunan inovasi, sumbangan utama makalah ini terletak pada penyediaan reka bentuk pentaksiran yang sistematik dan berdasarkan kerangka pedagogi yang kukuh, tanpa membuat dakwaan terhadap keberkesanan pelaksanaan secara empirikal. Reka bentuk inovasi yang dicadangkan menunjukkan bahawa pentaksiran Fiqh al-Usrah boleh dirancang secara lebih bermakna dengan menilai bukan sahaja penguasaan kandungan hukum, tetapi juga keupayaan pelajar menyampaikan, mengaplikasikan dan merefleksikan ilmu fiqh dalam konteks kehidupan sebenar.

Berdasarkan kepada pembangunan inovasi ini, dicadangkan agar kajian lanjutan dilaksanakan untuk menilai pelaksanaan sebenar reka bentuk pentaksiran yang dicadangkan, termasuk penerokaan persepsi pelajar, tahap penglibatan, serta cabaran dan kekangan pelaksanaan dalam konteks pengajaran sebenar. Kajian empirikal sama ada melalui pendekatan kualitatif, kuantitatif atau gabungan juga boleh dijalankan bagi menilai keberkesanan inovasi ini terhadap pembelajaran pelajar secara lebih menyeluruh. Selain itu, inovasi ini berpotensi disesuaikan dan diperluaskan kepada kursus pengajian Islam yang lain, dengan mengambil kira keperluan kandungan dan hasil pembelajaran yang berbeza. Kesimpulannya, inovasi pentaksiran yang dibangunkan dalam kajian ini menyediakan satu asas konseptual dan reka bentuk yang berpotensi menyumbang kepada penambahbaikan amalan pentaksiran dalam pengajaran Fiqh al-Usrah. Dengan pelaksanaan dan penilaian lanjut pada masa hadapan, inovasi ini berupaya menjadi satu pendekatan pentaksiran yang lebih autentik, kontekstual dan relevan dengan keperluan pendidikan tinggi masa kini.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Ahad, N., Barning, S. (2022): Asas syariah dalam munakahat. – Politeknik Melaka, Melaka 77p.
- [2] Al-Qaradawi, Y. (1998): Fiqh al-usrah al-Muslimah. – Maktabah Wahbah, Cairo 720p.
- [3] Anderson, T., Shattuck, J. (2012): Design-based research: A decade of progress in education research? – *Educational Researcher* 41(1): 16-25.
- [4] Aziz, A.R.A. (2023): Penerokaan nilai agama berasaskan Maqasid Syariah dalam meningkatkan kebahagiaan keluarga. – *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8(1): 24p.
- [5] Aziz, M.N.A., Yusoff, N.M., Yaakob, M.F.M. (2020): Challenges in using authentic assessment in 21st century ESL classrooms. – *International Journal of Evaluation and Research in Education* 9(3): 759-768.
- [6] Azizah, P.A.N., Sulistina, O., Setyowati, I. (2025): The use of Google Sites as a learning medium to improve students' cognitive learning outcomes and self-efficacy in the topic of basic laws of chemistry. – *UNESA Journal of Chemical Education* 14(3): 238-245.
- [7] Barrett, B. (2012): Creating innovative e-portfolios for lifelong learning and evaluation: An assessment tool for career planning. – *International Journal of e-Education, e-Business, e-Management and e-Learning* 2(2): 152-156.
- [8] Dreon, O., Kerper, R.M., Landis, J. (2011): Digital storytelling: A tool for teaching and learning in the YouTube generation. – *Middle School Journal* 42(5): 4-10.
- [9] Edelson, D.C. (2002): Design research: What we learn when we engage in design. – *Journal of the Learning Sciences* 11(1): 105-121.
- [10] Hamdoun, W.M.A. (2023): Constructive alignment approach: Enhancing learning and teaching. – *British Journal of Multidisciplinary and Advanced Studies* 4(2): 162-170.
- [11] Himawan, P.E., Sugiwa, G., Yahya, S., Kusmana, A. (2025): Fikih: Dari ilmu ke mata pelajaran formal. – *Syntax Imperatif: Jurnal Ilmu Sosial dan Pendidikan* 6(4): 1122-1133.
- [12] Jonsson, A. (2010): The use of transparency in the "Interactive Examination" for student teachers. – *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice* 17(2): 183-197.
- [13] Klein, K., Calabrese, J., Aguiar, A., Mathew, S., Ajani, K., Almajid, R., Aarons, J. (2023): Evaluating active lecture and traditional lecture in higher education. – *Journal on Empowering Teaching Excellence* 7(2): 39-51.
- [14] Kolb, D.A. (1984): *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. – Prentice-Hall, Englewood Cliffs, 256p.
- [15] Mohamed, R., Lebar, O. (2017): Authentic assessment in assessing higher order thinking skills. – *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(2): 466-476.
- [16] Mueller, J. (2005): The authentic assessment toolbox: Enhancing student learning through online faculty development. – *Journal of Online Learning and Teaching* 1(1): 1-7.
- [17] Nursyah, I., Hasan, A. (2021): The role of interactive videos in teaching Islamic jurisprudence: A case study. – *Journal of Islamic Education Research* 12(1): 22-30.

- [18] Oroh, E.Z., Ali, M.I., Pelenkahu, N., Usman, H., Rorintulus, O.A. (2025): Authentic assessment in higher education to increase critical thinking and develop metacognitive awareness. – *Studies in English Language and Education* 12(2): 827-844.
- [19] Panadero, E., Jönsson, A. (2013): The use of scoring rubrics for formative assessment purposes revisited: A review. – *Educational Research Review* 9: 129-144.
- [20] Reeves, T.C. (2006): Design research from a technology perspective. – In: van den Akker, J., Gravemeijer, K., McKenney, S., Nieveen, N. (eds.) *Educational Design Research*, Routledge, London 15p.
- [21] Ridwan, M. (2019): Gallery walk: An alternative learning strategy in increasing students' active learning. – *Nady Al-Adab* 16(1): 49-63.
- [22] Sastromiharjo, A., Rintaningrum, R., Herman, H., Mislikhah, S., Solissa, E.M., Lastriyani, I., Saputra, N., Purba, R. (2024): Using Google Sites to improve students' learning outcomes in writing ability: A case on teaching language education. – *Evolutionary Studies in Imaginative Culture* 8(1): 728-736.
- [23] Schön, D.A. (1983): *The reflective practitioner: How professionals think in action.* – Basic Books, New York, 374p.
- [24] Sentriyo, I., Sumarna, N., Rabani, L., Arisanti, W.O.L. (2023): Integration of digital technology in the learning process through problem-based learning models. – *Al-Ishlah: Jurnal Pendidikan* 15(2): 2266-2274.
- [25] Sunarti, T., Septiana, D.A. (2019): The effect of problem-based learning with Gallery Walk strategy to creativity and communication skills. – In: *Proceedings of the Mathematics, Informatics, Science, and Education International Conference (MISEIC 2019)*, Atlantis Press 5p.
- [26] Tan, W.A., Perrault, S. (2025): Enhancing student engagement through a gallery walk: Applying multiple strategies to communicate scientific concepts. – *Journal of Microbiology & Biology Education* 26(2): 4p.
- [27] Tran, T.N.A., Nguyen Ngoc, T. (2023): Mobile e-portfolios on Google Sites: A tool for enhancing project-based learning. – *International Journal of Interactive Mobile Technologies* 17(11): 15-33.
- [28] Trust, T., Carpenter, J.P., Krutka, D.G. (2017): Moving beyond silos: Professional learning networks in higher education. – *The Internet and Higher Education* 35: 1-11.
- [29] Tufail, M. (2023): Student assessment practices at university level: Comparing the perspective of teachers and learners. – *Journal of Contemporary Trends and Issues in Education* 3(1): 1-35.
- [30] Wang, F., Hannafin, M.J. (2005): Design-based research and technology-enhanced learning environments. – *Educational Technology Research and Development* 53(4): 5-23.
- [31] Whitlock, B., Nanavati, J. (2013): A systematic approach to performative and authentic assessment. – *Reference Services Review* 41(1): 32-48.
- [32] Wiggins, G. (1998): *Educative assessment: Designing assessments to inform and improve student performance.* – Jossey-Bass Publishers, San Francisco, 361p.
- [33] Yaodum, T., Mahapoonyanont, N., Jaidumrong, N., Songsung, N. (2024): Reflecting on experiential learning: Insights from higher education students. – In: *Proceedings of the 9th International Conference in Education and Social Science (ICESS 2024)*, Songkhla, Thailand 14p.